



## **PERUTUSAN YB MENTERI**

**YB TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU  
MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

**BAGI**

**SESI PERTEMUAN ANTARA  
YB MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN  
KOS SARA HIDUP DAN KEMENTERIAN PERTANIAN DAN  
KETERJAMINAN MAKANAN**

**13 DISEMBER 2022 (SELASA) | 2.30 PETANG**

**BILIK GERAKAN, ARAS 7, WISMA TANI  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN**

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YB Datuk Seri Salahudin Ayub  
Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN)

YBhg. Dato' Haslina Abdul Hamid  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS)

YBhg. Datuk Azman Mohd Yusof  
Ketua Setiausaha KPDN

Serta Pegawai-pegawai dari KPDN dan MAFS

Selamat Datang ke Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan

1. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada YB Datuk Seri Salahudin Ayub yang sudi meluangkan masa serta hadir bersama-sama Pengurusan Tertinggi KPDN untuk sesi kunjungan hormat ke MAFS.
2. Saya difahamkan bahawa antara intipati perbincangan kita pada hari ini adalah berkisarkan kepada isu bekalan telur dan kenaikan harga kos input pertanian. Oleh itu, bersama-sama kita pada hari ini adalah KSU MAFS, TKSUP dan TKSUD serta Ketua-ketua Pengarah dan wakil bahagian bertanggungjawab mengenai isu yang akan dibincangkan sebentar nanti.

YB dan ahli mesyuarat,

3. Sebagaimana kita sedia maklum, industri ternakan merupakan satu-satunya industri komoditi makanan utama yang telah **matang (fully matured)** dan telah mencapai tahap sara diri (SSR) melebihi 100% sejak sekian lama. Sebarang gangguan dan **kekurangan bekalan** perlu ditampung segera melalui **intervensi Kerajaan** bagi **menstabilkan bekalan**.

4. **Isu kekurangan bekalan ayam dan telur** merupakan antara perkara utama yang sering dibincangkan bukan sahaja di pelbagai platform di peringkat kementerian namun turut menjadi isu hangat di media massa. Situasi ini disebabkan oleh **kawalan harga yang berpanjangan** selama 322 hari sehingga mengakibatkan berlaku **herotan (gangguan) (market distortion)** dalam corak bekalan dan permintaan produk ayam dan telur ayam di dalam pasaran tempatan.
5. Selain itu, **kos pengeluaran** ayam dan telur ayam **telah meningkat** yang merangkini makanan ternakan, *day-old-chick* (DOC), kos pengurusan dan sebagainya. Perkara ini disebabkan oleh tekanan berterusan daripada **faktor 4C (Covid 19, Conflict, Climate & Currency)** yang menyebabkan industri pengeluaran ayam dan telur terkesan teruk.
6. Sehingga kini, MAFS telah memperuntukkan sebanyak **RM1.8 bilion** bagi pemberian subsidi bagi memastikan ketersediaan dan kelangsungan bekalan ayam dan telur dapat dinikmati oleh rakyat. Pemberian subsidi kepada penternak boleh disifatkan sebagai langkah jangka pendek untuk industri yang telah kenyal sempurna (*perfect elasticity*). Namun pemberian **subsidi ayam dan telur** kepada pihak industri bagi meringankan impak peningkatan kos pengeluaran adalah bersifat sementara dan dilihat tidak *sustainable*.

YB dan ahli mesyuarat,

7. Bagi lebih memahami eko sistem industri ternakan ayam, pada Sabtu lepas (10 Disember 2022) saya telah berkesempatan bersama-sama dengan pihak pengurusan MAFS telah mengadakan lawatan kerja ke beberapa ladang ayam yang terletak di Batang Kali dan Kalumpang, Selangor untuk meninjau sendiri proses penternakan ayam dan penghasilan telur di ladang-ladang berkenaan.
8. Kami di MAFS akan sentiasa berusaha untuk mencari penyelesaian terbaik isu bekalan telur dalam pasaran domestik

dengan terus mengadakan sesi libat urus tidak hanya dengan pemain industri tetapi juga dengan ahli akademik.

9. Oleh yang demikian, sebagai kementerian utama dalam memastikan sekuriti makanan negara, MAFS dan KPDN mempunyai peranan penting yang perlu dimainkan agar aspek ketersediaan, akses, kestabilan dan kemampuan terhadap bekalan makanan sentiasa terjamin.
10. Justeru, MAFS akan sentiasa komited dan sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi mencari penyelesaian terbaik bagi memastikan kelangsungan komoditi makanan sentiasa mencukupi di pasaran.

Sekian, terima kasih.

## **NOTA PERCAKAPAN YBM KPDN**

### **SESI PERTEMUAN YB MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP (KPDN) BERSAMA YB MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (MAFS)**

**13 DISEMBER 2022 (SELASA) 2.30 PETANG**

---

#### **Isu Bekalan Telur Ayam**

1. **Isu kekurangan bekalan telur** yang dibangkitkan dalam media massa menyebabkan kedua-dua kementerian menjadi tumpuan apabila pengguna mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan telur ayam gred kawalan A, B dan C.
  
2. Sesi libat urus KPDN bersama penternak dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (MAFS) sebelum ini mendapati penternak terutamanya penternak kecil, tidak lagi mampu untuk menampung **kos pengeluaran yang semakin tinggi**.
  
3. **Kadar subsidi** yang diberikan **tidak dapat diselaraskan lagi** oleh industri bagi mendapat keuntungan kerana terpaksa menanggung kos input yang tinggi dan **kawalan harga berpanjangan**.

## **Implikasi**

4. Bagi mengelakkan kerugian, penternak telah melakukan pelarasan dalam pengeluaran telur ayam dengan **mengurangkan pengeluaran telur gred kawalan dan menambah telur ayam gred premium.**
5. Walaupun telah ditampung dengan subsidi kerajaan, kos pengeluaran telur pada ketika ini masih melebihi harga kawalan.
6. Kerugian yang dialami oleh penternak juga menyebabkan mereka enggan lagi menyahut inisiatif kerajaan pada masa akan datang.

## **Kerjasama KPDN dan MAFS**

7. Isu berkaitan kawalan harga, kaedah dan penyaluran subsidi, pengeksportan serta kos pengeluaran perlu dilihat secara *transcendant*. Bagi menangani isu ini, pendekatan serta solusi yang holistik perlu dilaksanakan.

8. Dalam hal ini, KPDN tidak akan bertindak secara solo tetapi akan bekerjasama secara sinergi dengan kementerian/agensi lain yang terlibat khususnya dengan pihak MAFS sendiri.
  
9. Kerjasama bersepada melalui penganjuran bengkel, kajian bersama, *brainstorming session* atau penubuhan taskforce untuk isu-isu yang spesifik merupakan langkah terbaik bagi KPDN dan MAFS untuk bersama-sama menangani pelbagai isu berkaitan harga dan rantai bekalan makanan secara berterusan.

Disediakan oleh,

Bahagian Analisis Ekonomi dan Data Strategik (BAED)  
Disember 2022